



Gapura Ilmu Merentas Dunia

# myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 17

Perpustakaan  
Sultan Abdul Samad

## Wawancara bersama Ketua Pustakawan - muka 4



Projek Naik Taraf Ruang Perpustakaan:  
**Pengenalan Anjung Ilmu@Library UPM**  
- muka 3

Program Kesedaran IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur dan  
PPM Roadshow di Universiti Putra Malaysia  
- muka 7

## Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,  
 Bagi tempoh setengah tahun ini (Januari hingga Jun 2018), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melalui beberapa peristiwa penting dalam organisasi seperti pelantikan Ketua Pustakawan Baharu, penganjuran kursus-kursus berkaitan penyelidikan, pembinaan arca "We Love UPM", Audit ISO, dan sumbangan menaik taraf perpustakaan melalui Anjung Ilmu@LibraryUPM.

Penganjuran kursus berkaitan penyelidikan merupakan perkhidmatan terbaharu PSAS pada tahun ini bagi memenuhi permintaan pelajar dan pensyarah UPM yang mahukan kursus sedemikian, selain daripada seminar penerbitan yang sering dianjurkan oleh pihak Perpustakaan. Hasil kerjasama pensyarah dan pustakawan UPM, PSAS telah berjaya menganjurkan beberapa kursus penyelidikan dalam tempoh setengah tahun ini.

Selain itu, panorama PSAS turut diserikan lagi dengan arca "We Love UPM" yang telah siap dibina di hadapan bangunan PSAS. Arca ini dibina hasil usaha staf PSAS sendiri dengan menggunakan kos yang paling minimum. Manakala, usaha mengumpul dana bagi menaik taraf Tingkat 1 Blok B sedang giat dijalankan melalui Sumbangan Anjung Ilmu@LibraryUPM. Semoga segala usaha ini mampu meneruskan legasi kecemerlangan PSAS di masa hadapan.

Salam hormat.

MOHD DASUKI SAHAK  
 Editor  
 dasuki@upm.edu.my



## Staf Baharu PSAS pada tahun 2018

Pihak Pengurusan dan seluruh warga PSAS mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada lima orang staf yang baru melapor diri di PSAS pada bulan Mei tahun ini. Semoga mereka mampu memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi mencapai Visi dan Misi serta Objektif PSAS.



Pn. Nur Faseha Mohd Kadim  
 Bahagian  
 Perkhidmatan Pengguna



Cik Nabilah Huda Pa' Su  
 Bahagian  
 Perkhidmatan Pengguna



En. Mohamad Amiruddin Zawawi  
 Bahagian  
 Perkhidmatan Pengguna



Cik Nabilah Rozali  
 Perpustakaan Perubatan dan  
 Sains Kesihatan



En. Mohd Shahril Jalaludin  
 Perpustakaan Perubatan dan  
 Sains Kesihatan

## Sidang Pengarang

Penasihat <b>Pn. Azizah Zainal Abidin</b>	Jurufoto <b>En. Muhammad Adib Ahmad Khalid</b>
Ketua Editor <b>Pn. Azwana Ab. Rahman</b>	Pereka Grafik <b>Cik Suzaini Mohamad Kasim</b>
Editor <b>En. Mohd Dasuki Sahak</b>	Pengedaran <b>Pn. Zaimah Saiful Yazan</b>
Penulis <b>Staf PSAS</b>	<b>Pn. Norlela Mohd Yusof</b>



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

**Ketua Editor MyLibrary**  
 Bahagian Korporat dan Latihan Staf  
 Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang, Selangor.  
 Tel. : 03-894678607 / 7948  
 Faks : 03-89483745  
 E-mel : mylibrary@upm.edu.my

## Isi Kandungan

My Library Bilangan 17	
• Staf Baharu PSAS	2
• Projek Naik Taraf Ruang Perpustakaan	3
• Amanat Ketua Pustakawan 2018: Wawancara bersama Ketua Pustakawan Baharu	4
• Kursus-kursus penyelidikan di PSAS	6
• NVIVO	
• Workshop on MS Word Dotx & Mendeley for Thesis Writing	
• Workshop on Basic SPS	
• Kursus-kursus Penerbitan di PSAS	7
• UPM-WILEY Publishing Workshop	
• UPM- IEEE Authorship Workshop	
• Program Kesedaran IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur	8
• Program Literasi Maklumat Bulan Jan - April 2018	9
• Album Pelawat & Kalendar Lawatan Perpustakaan Sultan Abdul Samad	10
• Book Review	11
• Jom kita berwakaf	12



## Projek Naik Taraf Ruang Perpustakaan: Pengenalan Anjung Ilmu@Library UPM

Dalam dunia global hari ini, pendidikan adalah penting dan merupakan akar tamadun sebuah negara. Pendidikan kini telah menjadi satu keperluan asas yang perlu dimiliki oleh semua orang dalam berdepan dengan cabaran kehidupan. Untuk mendapatkan pendidikan, terdapat banyak cara yang boleh kita capai. Antaranya melalui perpustakaan kerana di perpustakaan terdapat pelbagai sumber maklumat dan manfaat lain yang boleh kita peroleh.

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), merupakan sebuah perpustakaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pengajaran dalam kegiatan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan di UPM.

PSAS merupakan antara perpustakaan universiti yang terawal di Malaysia di mana pada tahun ini, blok bangunan PSAS yang pertama iaitu Blok B telah pun mencapai usia 48 tahun (1969-2017) manakala blok kedua iaitu Blok A berusia 35 tahun (1982-2017). Dalam tempoh ini juga, projek naiktaraf ruang

dan prasarana secara besar-besaran tidak dapat dilaksanakan di PSAS kerana kekangan peruntukan kewangan. Justeru itu, suasana dalaman PSAS kelihatan agak konvensional serta terdapat kemudahan fizikal yang sudah uzur dan usang.

Oleh itu, pihak PSAS mengambil inisiatif untuk menaiktaraf ruang dan prasarana perpustakaan dalam usaha menyediakan ruang yang lebih kondusif, selesa dan selamat kepada pengguna perpustakaan. Selain itu, ianya bertujuan memenuhi keperluan generasi baharu pelajar UPM yang lebih mengemari suasana pembelajaran yang santai, moden, terbuka dan kolaboratif seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Kerja-kerja menaiktaraf ruang dan prasarana PSAS ini akan meliputi kerja-kerja ubahsuai ruang bacaan sedia ada kepada suasana yang lebih kondusif dan kolaboratif, penarikan perabot dan peralatan teknologi maklumat kepada yang lebih bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa serta naiktaraf prasarana dalaman dan luaran perpustakaan kepada yang lebih baik bagi

keselesaan dan kemudahan pengguna perpustakaan. Dianggarkan kos sebanyak RM2,000,000.00 diperlukan untuk kerja-kerja naiktaraf ini.

Memandangkan projek ini melibatkan kos yang tinggi dan PSAS tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus, pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah memberi kebenaran kepada PSAS untuk menjana peruntukan melalui sumbangan dari dalam dan luar UPM dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM.

Kini, anda semua berpeluang menyalurkan sumbangan melalui Anjung Ilmu@LibraryUPM untuk membantu PSAS merealisasikan harapan pelajar UPM dan sumbangan anda sangat bermakna terhadap pembangunan pendidikan akan datang.

Oleh Mohd Dasuki Sahak & Azizah Zainal Abidin

# Wawancara bersama Ketua Pustakawan

## Profil Ketua Pustakawan

Nama: **Encik Muzaffar Shah Kassim**  
 Tarikh Lahir: **14 Ogos 1962**  
 Kelulusan: **Master in Economics and Social Studies (Library and Information Sciences), University of Wales, Aberystwyth; dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat dengan (Kepujian) (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat), Universiti Teknologi MARA**  
 Mula bertugas di UPM: **2 September 1985**

Pada 1 Mei 2018, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia telah bersetuju melantik Encik Muzaffar Shah Kassim sebagai Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Pelantikan Ketua Pustakawan yang baharu ini sangat dinanti-nantikan oleh seluruh warga PSAS bagi menggantikan Encik Amir Hussain Md. Ishak yang telah tamat kontrak perkhidmatan sebagai Ketua Pustakawan/CIO, PSAS pada 30 Jun 2017 yang lalu. Pihak Sidang Pengarang My Library iaitu Puan Azwana Ab. Rahman dan Encik Mohd Dasuki Sahak telah berpeluang menemu bual peneraju PSAS yang ke-5 ini untuk berkongsi wawasan, hala tuju dan cabaran dalam menerajui PSAS. Berikut merupakan hasil temu bual yang menarik untuk dikongsi bersama pembaca My Library:

**My Library:** Rasanya belum terlambat untuk kami sebagai Editor My Library mengucapkan tahniah di atas pelantikan Encik Muzaffar sebagai Ketua Pustakawan, PSAS yang ke-5. Jadi, apakah reaksi pertama Encik Muzaffar apabila mendapat tahu dilantik sebagai Ketua Pustakawan?

**Muzaffar Shah:** Terima kasih di atas ucapan tahniah tersebut dan terima kasih juga kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan pandangan mengenai PSAS dalam My Library keluaran kali ke-17 tahun 2018.

Pertama sekali saya mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurniNya saya dilantik sebagai Ketua Pustakawan dan terima kasih kepada pihak Universiti kerana mempercayai kebolehan saya untuk menggalas tugas sebagai Ketua Pustakawan, Universiti Putra Malaysia.

Perasaan saya apabila dilantik sebagai Ketua Pustakawan ialah bercampur baur antara gembira dan bersyukur tetapi pada masa yang

sama perlu memikirkan tanggungjawab dan cabaran yang perlu dipikul sebagai Ketua Pustakawan. Jawatan ini bukan sekadar tanggungjawab sebagai ketua dalam organisasi, tetapi juga memainkan peranan yang penting sebagai salah seorang ahli pengurusan tertinggi di universiti, ahli Majlis Ketua Pustakawan di peringkat Kebangsaan dan ahli ASEAN University Network (AUNILo) di peringkat ASEAN.

**My Library:** Sejak sedekad UPM diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan, apakah perubahan yang paling ketara berlaku di PSAS dalam tempoh ini?

**Muzaffar Shah:** Perubahan yang paling ketara ialah bagaimana PSAS berfungsi menyokong kerancangan aktiviti penyelidikan selepas UPM diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan. Dalam konteks ini, PSAS perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan lebih banyak maklumat saintifik dalam bentuk elektronik. Sebagai contoh, PSAS telah menyediakan Perkhidmatan Ez-Proxy di Laman Web PSAS bagi memudahkan pelajar dan pensyarah mengakses koleksi tesis dan jurnal elektronik pada bila-bila masa sahaja dan di mana-mana sahaja melalui Internet. Ini membolehkan perkhidmatan perpustakaan tetap diperolehi oleh warga UPM walaupun waktu operasi perkhidmatan perpustakaan telah tamat.

Perkhidmatan khusus terhadap aktiviti penyelidikan juga turut diperkenalkan di PSAS seperti Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan. Pensyarah dan pelajar boleh merujuk pustakawan di Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat bagi mendapatkan "Perkhidmatan Pengesanan Status Jurnal". Pustakawan akan membantu pelajar dan pegawai UPM mengesahkan status pengindeksan jurnal sama ada diindeks dalam Pangkalan Data Bibliografi Antarabangsa iaitu Scopus atau Journal Citations Reports (JCR). Pengesahan ini penting untuk memastikan pelajar dan pegawai UPM memilih jurnal yang berimpak tinggi dalam menerbitkan artikel ilmiah mereka.

Selain itu, PSAS kini diberi tanggungjawab sebagai Bank Data UPM oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) bagi menguruskan perkhidmatan data mikro. Bank Data UPM ini ditubuhkan hasil daripada memorandum

persefahaman antara Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 24 Mac 2016 yang meliputi bidang kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik.

**My Library:** Kini, terdapat pelbagai perkhidmatan baharu yang ditawarkan di PSAS berbanding dahulu. Boleh Encik Muzaffar terangkan sebarang perkhidmatan yang disediakan khusus hasil daripada permohonan pelajar sendiri?

**Muzaffar Shah:** Pada awal tahun ini, saya dikunjungi oleh sekumpulan pelajar Siswazah yang inginkan pihak PSAS menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan aktiviti penyelidikan selain daripada seminar dan bengkel penulisan dan penerbitan yang sering diadakan di PSAS sebelum ini. Mereka mencadangkan agar pihak PSAS bekerjasama dengan pensyarah dan pustakawan untuk mengadakan kursus-kursus seumpama ini bagi membantu mereka memperoleh segera ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan metodologi dan alat bantuan penyelidikan. Ini memudahkan mereka untuk menghadiri kursus ini dalam kampus sahaja berbanding kursus yang ditawarkan oleh pihak luar UPM.

**My Library:** Bagaimana dengan sambutan yang diterima terhadap perkhidmatan baharu ini

**Muzaffar Shah:** Alhamdulillah, kursus pertama berjaya dianjurkan pada bulan April iaitu "Workshop on Qualitative Research and Qualitative Data Analysis using Nvivo" dengan kerjasama Dr. Mohd Mursyid Arshad, pensyarah Kanan dari Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan seramai 29 orang peserta telah menyertai kursus ini. Kejayaan kursus ini menjadi pemangkin kepada penganjuran kursus-kursus selepas itu dan terus mendapat sambutan hangat daripada pelajar, dan pensyarah UPM. Malahan, terdapat pelajar dan pensyarah luar dari UPM turut menyertai kursus ini. Oleh itu, pihak PSAS akan mengadakan lebih kerap lagi kursus-kursus penyelidikan yang mampu memberi manfaat kepada warga UPM.

**My Library:** Boleh Encik Muzaffar berkongsi dengan kami apakah Wawasan yang ingin dilaksanakan di PSAS?

**Muzaffar Shah:** Jika dilihat kepada statistik kunjungan dan lawatan dari luar UPM bagi tiga tahun kebelakangan dianggarkan lebih 500,000 orang setahun pengguna hadir ke PSAS. Manakala bagi kunjungan maya, lebih 20,000,000 juta hits telah direkod memasuki ke laman web PSAS. Ini menunjukkan bahawa kewujudan perpustakaan masih relevan dan diperlukan oleh warga UPM.

Oleh itu, terdapat satu wawasan yang ingin saya capai sejak dua tahun memangku tugas Ketua Pustakawan dan sebelum saya bersara bagi meningkatkan lagi perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna. Saya berhasrat menjadikan perpustakaan sebagai tempat tumpuan pelajar di UPM, di mana ruang perpustakaan sedia ada akan ditransformasi kepada ruang yang lebih santai, moden, terbuka dan kolaboratif seiring dengan Revolusi Industri 4.0.

**My Library:** Adakah terdapat sebarang konsep yang ingin digunakan dalam merealisasikan wawasan projek mentransformasi ruang perpustakaan ini?

**Muzaffar Shah:** Saya telah membuat tinjauan di perpustakaan luar negara dan sangat tertarik dengan Konsep "My Library, My Office". Ini adalah selari dengan trend masa kini yang menjadikan rumah kediaman sebagai pejabat atau lebih dikenali dengan Small Office Home Office (SOHO) dan Small Office Flexible Office (SOFO). Konsep "My Library, My Office" akan mentransformasikan ruang perpustakaan seumpama "pejabat" kepada pelajar dan pegawai UPM. Bagi saya, konsep ini sangat sesuai untuk dilaksanakan di PSAS agar pelajar dapat merasakan mereka seolah-olah pergi ke pejabat apabila ke mengunjungi PSAS. Mereka merasakan suasana tersebut apabila PSAS mempunyai pelbagai kemudahan yang membantu mereka dalam proses pembelajaran dan penyelidikan.

**My Library:** Bolehkan Encik Muzaffar jelaskan lagi mengenai reka bentuk "My Library, My Office"?

**Muzaffar Shah:** Kemudahan yang akan ditawarkan merangkumi pelbagai jenis ruang bacaan dan bilik perbincangan yang lebih terbuka dan dilengkapi peralatan teknologi maklumat masa kini. Suatu ruang baharu yang dinamakan "Professor Corner" akan diwujudkan bagi menyediakan suatu ruang khusus untuk mengadakan perbincangan ilmiah dan penganjuran bengkel atau seminar. Manakala, mini cafe dan ruang santai turut disediakan untuk pelajar merehatkan minda selepas penat mentelaah pelajaran dan berinteraksi dengan rakan-rakan.

Reka bentuk pejabat yang selesa dan kondusif ini dapat memenuhi keperluan pelajar terutama pelajar siswazah yang berada lebih kerap dan lama di perpustakaan bagi memudahkan mereka berinteraksi secara individu dan berkumpulan untuk menghasilkan penulisan-tesis dan artikel penerbitan.

**My Library:** Bolehkan Encik Muzaffar jelaskan langkah-langkah untuk mencapai wawasan ini?

**Muzaffar Shah:** Bagi merealisasikan projek transformasi ruang di Tingkat 1, Blok B Perpustakaan, satu kertas cadangan ini telah dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan telah mendapat kelulusan untuk dilaksanakan pada akhir tahun

lepas. Saya sangat mengambil berat terhadap projek ini dan mengetahui sendiri jawatankuasa projek di peringkat PSAS bagi memastikan kejayaan projek ini. Kini, projek ini sedang dalam peringkat penyediaan pelan lantai dan spesifikasi projek oleh pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset UPM. Manakala, pihak JPU telah pun meluluskan peruntukan tambahan bagi perolehan perabot.

**My Library:** Memandangkan projek ini telah mendapat kelulusan daripada pihak JPU, apakah cabaran yang dihadapi oleh Encik Muzaffar bagi memastikan kejayaan projek ini?

**Muzaffar Shah:** Projek ini memerlukan peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 untuk membiayai kerja-kerja ubahsuai, lantai, siling, tandas, bilik perbincangan, pintu masuk, pendawaian elektrik dan ICT serta bekalan perabot baharu dan peralatan yang bersesuaian. Memandangkan terdapat kekangan kewangan bagi melaksanakan projek ini, pihak PSAS telah mengambil langkah proaktif bekerjasama dengan pihak Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM untuk menjana peruntukan melalui sumbangan dari dalam dan luar UPM. Di kesempatan ini, saya menyeru warga UPM untuk bersama-sama menyampaikan sumbangan melalui pihak WAZAN agar hasrat ini tercapai.

**My Library:** Selain dari projek yang memberi kebaikan kepada pengguna perpustakaan, adakah terdapat sebarang usaha untuk meningkatkan lagi peranan pustakawan PSAS sebagai profesional maklumat di UPM?

**Muzaffar Shah:** Saya berhasrat meningkatkan lagi perkhidmatan Pustakawan Penghubung Fakulti agar menjadi "Subject Specialist" dan menerapkan konsep "Embedded Librarian" agar mampu memberi khidmat nasihat rujukan yang lebih berkesan kepada pengguna mengikut bidang-bidang yang terdapat di fakulti dan institut. Di samping itu, setiap pustakawan digalakkan untuk mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu contohnya kepakaran dalam Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA, Sistem Pembangunan Repositori Institusi EPrints, Sistem Pengurusan Bibliografi Mendeley dan sebagainya.

Untuk memastikan pustakawan mampu menjadi "Subject Specialist", saya amat menggalakkan agar pustakawan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu berkaitan penyelidikan. Di peringkat fakulti, saya sangat berharap pustakawan dapat melibatkan diri dalam aktiviti fakulti seperti mesyuarat, perjumpaan, dan Hari Terbuka bersama warga fakulti agar pustakawan diterima sebagai ahli dalam sesebuah fakulti secara tidak langsung atau lebih dikenali dengan Konsep "Embedded Librarian".

**My Library:** Kita juga memahami bahawa Pegawai Pelaksana seperti Penolong Pustakawan dan Pembantu Pustakawan memainkan peranan penting dalam PSAS. Apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan lagi peranan mereka kepada PSAS?

**Muzaffar Shah:** Sejak tahun lepas, ramai pegawai pelaksana telah bersara dan menyebabkan PSAS mengalami masalah kekurangan staf. Ini kerana proses penggantian staf tidak berlaku secara automatik dan memerlukan masa untuk dilaksanakan. Lantaran itu, beberapa langkah telah dikenalpasti untuk menyelesaikan masalah ini dengan menilai kembali keseluruhan beban tugas staf di

semua bahagian agar peranan mereka dapat dipertingkatkan lagi dan membantu tugas-tugas lain, selain menjalankan tugas hakiki.

Ini membolehkan guna tenaga staf di tahap optimum dan Konsep "Multitasking" diterapkan dalam kepada semua staf. Sebagai contoh, terdapat pembantu pustakawan dilantik untuk menjalankan tugas sebagai Jurugambar dan Pembantu Am Pejabat menjadi Pemandu Gantian sekiranya Pemandu Pejabat bercuti.

**My Library:** Apakah kekuatan yang dimiliki oleh PSAS yang rasa Encik Muzaffar, mungkin orang ramai tak tahu khususnya masyarakat kampus tak tahu?

**Muzaffar Shah:** Kekuatan PSAS adalah kepelbagaian sumber maklumat yang terdapat di PSAS dan sumber manusia sebagai tonggak utama yang menyediakan perkhidmatan PSAS. Antaranya, PSAS merupakan satu-satunya PTJ di UPM yang mempunyai kuasa khusus untuk membuat perolehan Koleksi Peta Malaysia di UPM dan menjadi tempat rujukan peta oleh warga UPM.

Manakala di peringkat Kebangsaan, PSAS merupakan Pusat Pangkalan Data AGRIS Malaysia yang menguruskan pangkalan data bibliografi bagi sains pertanian dan teknologi, perhutanan, sains penternakan, perikanan, sains dan alam sekitar. Manakala, PSAS bertanggungjawab mengetuai jawatankuasa bagi meningkatkan laman web dan fungsi Malaysian Thesis Online (MYTHO). Sistem MyTO merupakan sebuah pangkalan data yang menyimpan bibliografi tesis bagi Perpustakaan Universiti Awam dan Universiti Swasta/GLC di Malaysia. Di peringkat Universiti, PSAS telah membangunkan pelbagai pangkalan data dalaman yang mampu sumber rujukan kepada pelajar dan pensyarah, antaranya "Subject Guide", "MyAgric", "Gallery Serdang", "UPM IR" dan "UPM Tesis".

Selain itu, kejayaan pelaksanaan Sistem Bersepadu Perpustakaan KOHA di PSAS turut menjadi perhatian warga Perpustakaan di Malaysia. Kini, PSAS sering dirujuk dan menerima pelawat daripada perpustakaan di seluruh Malaysia untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Sistem KOHA. Malahan, pustakawan PSAS sering dijemput sebagai penceramah Bengkel KOHA dan EPrints oleh pihak luar UPM.

**My Library:** Sebagai penutup bicara, apakah harapan Encik Muzaffar dalam memastikan PSAS berada di landasan yang betul dalam mencapai matlamat UPM?

**Muzaffar Shah:** Selama ini segala usaha yang dilaksanakan di PSAS mendapat sokongan padu daripada pihak Pengurusan Universiti. Saya bersyukur kerana segala cadangan yang dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Universiti untuk menambah baik kemudahan perpustakaan sentiasa mendapat perhatian. Saya berharap sokongan ini akan berterusan bagi memastikan perpustakaan mampu memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Selain itu, PSAS mempunyai kekuatan sumber manusia yang saya anggap sebagai tulang belakang untuk menggerakkan PSAS. Apa yang saya lihat, hubungan kerjasama dan suasana harmoni dalam keluarga PSAS ini merupakan salah satu sebab utama kita mampu mencapai beberapa kejayaan di peringkat universiti mahupun kebangsaan. Harapan saya agar kerjasama yang erat ini dapat dikekalkan supaya PSAS menjadi sebuah perpustakaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

# Kursus-kursus Penyelidikan di PSAS

By Azwana Ab Rahman, Mohd Dasuki Sahak & Azizah Zainal Abidin

1

## Workshop on Qualitative Research and Qualitative Data Analysis using Nvivo



### SYNOPSIS AND LEARNING CONTENT

The main purpose of this workshop is to describe the method of analyzing qualitative data by using Nvivo software. The contents of workshop covers:

- 1) Qualitative Data Analysis (Tips and technique to analyse qualitative data)
- 2) Managing Qualitative Research by NVivo
- 3) Practicing Qualitative Data Analysis with NVivo Program
- 4) NVIVO: Managing, Analyzing and Interpreting Qualitative Data;
- 5) Knowledge sharing, techniques or tips in using NVivo

**UPM April, 16** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia has successfully organized "Workshop on Qualitative Research and Qualitative Data Analysis using Nvivo" on 14th and 15th April 2018 held at the Termasa Room, PSAS. The main focus of the workshop was to introduce basic qualitative research and share the tips on how to analyze qualitative data.

Dr. Mohd Mursyid Arshad, Senior Lecturer at Faculty of Educational

Studies, Universiti Putra Malaysia was invited as the workshop speaker. The workshop was attended by thirty (30) participants which include lecturers, researchers, management and professional staff from inside and outside UPM. During the workshop, participants were introduced to the application of Nvivo software, which gave them the idea of analyzing the qualitative data. Most of the participants of the workshop gave positive feedbacks and suggested that PSAS should organize more of such workshops in the future.



## Workshop on MS Word Template.dotx and Mendeley for Thesis Writing

2

**UPM, April 30** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) has successfully organized "Workshop on MS Word Template.dotx and Mendeley for Thesis Writing" held on 28th and 29th April at Termasa Room, PSAS. Twenty-five (25) participants including lecturers, researchers, management and professional staff from inside and outside UPM participated in the workshop.

Mr. Mohd Ridzuan Mohd Ali, Senior Lecturer from Faculty of Civil Engineering, UiTM was invited as the speaker for "MS Word Template.dotx", while Mr. Mohd Dasuki Sahak and Mdm. Aznizultina Md Nazar, Librarian from PSAS were invited as the speakers for "Mendeley for Thesis Writing".

During the workshop, participants were given guides and tips on the effective use of "MS Word Template.dotx" and "Mendeley" for thesis writing. Participants of the workshop were given guides and tips on the better use of this research tools, especially on how it helps to tidy up the literature review process.



3

## Workshop on Basic SPSS

**UPM, May 16** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM has successfully organized "Workshop on Basic SPSS" held on 15th May at Termasa Room, PSAS. Thirty-five (35) participants including lecturers, researchers, management and professional staff from inside and outside UPM participated in the workshop.

Dr. Othman Talib, Senior Lecturer from Faculty of Educational Studies, UPM was invited as the workshop speaker. During the workshop, participants were given guides and tips on Inferential Statistics; SPSS, transforming data, exploratory data analysis, questionnaire development and several types of data analysis.

# Kursus-kursus Penerbitan di PSAS

## UPM- IEEE Authorship Workshop

**UPM April, 17** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad, (PSAS) in collaboration with United Technology (M) Sdn. Bhd and IEEE, has successfully organized a publishing workshop entitled "How to Successfully Publish in IEEE". The objective of this workshop is to provide participants with skills and understanding for a successful publication especially for participants who are interested to publish in IEEE Xplore (as a journal paper, magazine article or conference proceedings).

The workshop was attended by 113 participants which include students, researchers and staff of UPM and was held at Termasa Room, PSAS.

The workshop takes approximately 90 minutes and was delivered by Mr. Alex Liu, IEEE Client Services Manager Southeast Asia. Topics that he covered in the workshop include on how to increase the visibility of research and build author credibility by publishing a paper in a leading IEEE journal or conference; Learn how to navigate the IEEE paper submission and peer review process; Review the required elements and proper structure of a manuscript plus the reasons behind why papers may be rejected.

By Khairil Ridzuan Khahirullah



## UPM-WILEY Publishing Workshop

**UPM Jan, 18** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) in collaboration with Wiley has successfully conducted a workshop titled "Introduction to Publishing for Early Researchers". The objective of the workshop is to assist authors in Universiti Putra Malaysia (UPM), in understanding the international best practices in publishing, preparing and submitting the proper manuscript language, articles structure, and the understanding of ethical writing.

The workshop is suitable for people who have little experience of preparing papers for publication, but expect to do so in the future. This is an initiative of PSAS to support research activities in UPM.

The workshop has attracted 126 participants from UPM comprising of students, researchers and lecturers and was held at Termasa Room, PSAS.

The workshop takes approximately 1.5 hours and was presented by Ms. Chloe Chadwick, Journal Publishing Team, Society Services, APAC, Wiley. In the workshop, the speaker shared the overview of publishing journey; tips on publishing with success for early career researchers and the publication perspective from the publisher.

By Khairil Ridzuan Khahirullah





## Program Kesedaran IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur dan PPM Roadshow di Universiti Putra Malaysia

**UPM, 5 Feb** - Pada tahun ini, Malaysia telah berjaya dipilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran "IFLA World Library and Information Congress (WLIC) : 84th IFLA General Conference and Assembly" (IFLA WLIC 2018) pada 24hb hingga 30hb Ogos 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Malaysia merupakan negara ketiga menjadi tuan rumah bagi Kongress IFLA dalam kalangan Negara ASEAN selepas Thailand pada tahun 1999 dan Singapura pada tahun 2013. Dijangka seramai 4,000 orang pustakawan dari lebih 100 buah negara di seluruh dunia akan menghadiri kongres yang berprestij tinggi ini.

Justeru itu, Program Kesedaran IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur dan PPM Roadshow telah diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 5hb Februari 2018. Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik telah menjemput wakil Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) iaitu Puan Hasnita Hj. Ibrahim, Naib Yang Dipertua 1, PPM dan Puan Shamsiah Abu Bakar, Ahli Majlis PPM

untuk menyampaikan langkah-langkah persediaan yang perlu diambil oleh pustakawan untuk menyertai Kongres IFLA ini.

Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pustakawan dari UPM dan perpustakaan akademik di sekitar Lembah Klang telah hadir untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh wakil PPM. Mereka telah memberi penerangan dan perkongsian mengenai penyertaan IFLA, sukarelawan, pembentangan kertas kerja, poster, lawatan, serta pengalaman menyertai Kongres IFLA yang lepas.

Semoga program ini mampu memberi manfaat kepada pustakawan untuk bersama-sama dengan PPM menjayakan Kongres IFLA dan seterusnya memajukan lagi profesion kepustakawanan di Malaysia.

Oleh Azwana Ab. Rahman dan Mohd Dasuki Sahak



## Program Literasi Maklumat Sepanjang Bulan Jan - April 2018

Beberapa siri Program Literasi Maklumat telah berlangsung mulai bulan Januari sehingga April 2018 yang meliputi Kelas Hari Selasa, Library Information Literacy Programme for New Postgraduate Students, Kelas Kemahiran Maklumat Pelajar Prasiswazah (Ijazah/Diploma/Asasi), dan Kelas Pangkalan Data oleh Penerbit.

Program ini dilaksanakan dari masa ke semasa untuk memastikan pelajar tidak ketinggalan untuk mendapat pendedahan awal mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan, meneroka katalog atas talian (webopac) dan pangkalan data-pangkalan data

yang dilanggan serta belajar teknik berkesan dan cepat untuk mendapatkan maklumat dari pangkalan data tersebut. Di samping itu, pelajar diberi tunjuk ajar mengenai Mendeley iaitu satu perisian percuma yang digunakan untuk menguruskan bahan rujukan dalam penulisan dan juga Turnitin iaitu sistem aplikasi yang digunakan untuk menyemak peratusan persamaan penulisan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti plagiat.


Sebanyak empat modul utama diajar iaitu Modul Strategi Pencarian Maklumat dan Turnitin, Modul Pangkalan Data Atas Talian (bidang Sains Sosial/

Sains & Teknologi/Pertanian & Sains Hayat), Modul Mendeley: Asas dan Modul Pengenalan Perpustakaan. Bagi memenuhi keperluan maklumat terkini, mulai tahun ini Modul Citation Indexed Journal telah diserapkan dalam kelas Strategi Pencarian Maklumat. Ia diadakan khusus untuk pelajar pascasiswazah untuk mendapatkan jurnal-jurnal yang mempunyai faktor impak dan kedudukan dalam bidang-bidang tertentu bagi tujuan penerbitan dalam SCOPUS dan Incites Journal Citation Reports (JCR).

Oleh Rusniah Sayuti



Antara modul yang diajar dalam Program Literasi Maklumat



Sehingga bulan April 2018, seramai 1,225 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah, pelajar prasiswazah, pegawai bukan akademik dan juga pegawai akademik telah menghadiri Program Literasi Maklumat.

Program Literasi Maklumat ini akan diteruskan sehingga Disember 2018.

# Album Pelawat & Kalendar Lawatan Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Sehingga bulan Mei 2018, PSAS telah menerima sebanyak 22 lawatan dari pelbagai kategori/organisasi dari dalam dan luar negara seperti berikut:

Oleh Nurdiana Mohd Kamal

BULAN	TARIKH	PELAWAT/LATIHAN INDUSTRI/STAF SANGKUTAN
Januari	5/1/2018	Institut Teknologi Bandung, Indonesia
	9/1/2018	Open University Malaysia (OUM)
	11/1/2018	Bahagian Teknologi Kreatif & Multimedia MARA, Kuala Lumpur
	25/1/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth, Yong Peng, Johor
Februari	1/2/2018	Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Praktikal)
	7/2/2018	Kolej Poly-Tech MARA, Bangi
	9/2/2018	Lawatan Kerja 5s dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UPM
	12/2/2018	Universitas Nasional Jakarta, Indonesia
Mac	9/3/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Labu Besar, Kulim Kedah
	23/3/2018	Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS)
April	5/4/2018	Sekolah Menengah Daerah Kluang, Johor
	24/4/2018	Perdana Leadership Foundation (PLF)
	24/4/2018	Unit Perpustakaan, Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA)
	26/4/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Kemunting, Kuala Terengganu
	26/4/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Johor
	27/4/2018	Guang Xi University of Foreign Languages, China
Mei	30/4/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan LKTP Tersang Raub, Pahang
	2/5/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Kunak, Sabah
	4/5/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Banang Jaya, Batu Pahat, Johor
	7/5/2018	Lawatan Kerja 5S dari Kolej-kolej Kediaman UPM
	14/5/2018	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
	28/5/2018	Kunming University of Science and Technology, China



Lawatan kerja dari Guang Xi University of Foreign Languages, China



Lawatan kerja dari Open University Malaysia (OUM)



Lawatan kerja dari Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS)



Lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth, Yong Peng, Johor




Taklimat kepada pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Johor



Taklimat oleh Pustakawan kepada pelajar dari Kunming University of Science and Technology, China


# Book Review



## Principles and foundations of health promotion and education 7<sup>th</sup> edition

**Author:** Randall R. Cottrell, James T. Girvan, Denise M. Seabert, Caile Spear and James F. Mckenzie.  
**Publisher:** Pearson Education, Inc.  
**Year of publication:** 2018  
**Call number:** RA440.5 P957 2018  
**Location:** Main Library

The purpose of this book is to provide students with a solid foundation in the history, philosophy, theory and ethics of health education. Considered the best overall introduction to the growing field of health education and promotion, the text connects fundamental topics to research, resources and practitioners. The seventh Edition covers the roles and responsibilities of health education specialists, potential occupational settings and the ethics that inform professional decisions. Looking at the past, present and future of health, health care and health education and promotion, the book features discussions of recent health reforms, the evolving professional landscape, the use of social media in health promotion and much more.




## Information Quality: The Potential of Data and Analytics to Generate Knowledge

**Author:** Ron S. Kenett ; Galit Shmueli  
**Publisher:** WILEY  
**Year of publication:** 2017  
**Call number:** QA 276 K33  
**Location:** Main Library

book explains how to integrate the notions of goal, data, analysis and utility that are the main building blocks of data analysis within any domain. It presents a framework for integrating domain knowledge with data analysis. It discusses issues surrounding the implementation and integration of InfoQ in both academic programmes and business or industrial projects. It also showcases numerous case studies in a variety of application areas such as education, healthcare, official statistics, risk management and marketing surveys. It also presents a review of software tools from the InfoQ perspective along with example datasets on an accompanying website.

This book provides an important framework for data analysts in assessing the quality of data and its potential to provide meaningful insights through analysis. This




## Network Routing: Fundamentals, Applications, and Emerging Technologies

**Author :** Sudip Misra; Sumit Goswami  
**Publisher :** John Wiley & Sons  
**Year of Publication :** 2017  
**Call Number :** TK5105.5487 M678  
**Location :** Main Library

at an unprecedented pace, and the modern-day networks are significantly different from the networks in place just a decade ago. This book serves as a single point of reference for advanced undergraduate and graduate students whom studying Network Routing, covering both fundamental and more moderately advanced concepts of routing in traditional data networks, such as the Internet, and emerging routing concepts currently being researched and developed, such as cellular networks, wireless ad hoc networks, sensor networks, and low-power networks. In addition, the book assesses the need for different technologies, techniques, and solutions for given problems in network routing, and provides model solutions.

This book provides dealing with routing in multiple generations of communication from NSFNet to IoT, passing through ATM, MPLS, ad hoc, cellular, and wireless sensor networks. As the technology is changing



## Crisis Communication and Crisis Management: An Ethical Approach

**Author:** Burton St John III; Yvette E. Pearson  
**Publisher:** SAGE Publication  
**Year of publication:** 2017  
**Call number:** HD 49.3 S143  
**Location:** Main Library

This book is the only text on the market with integration of ethical inquiry into the fundamentals of crisis communication. It combines comprehensive coverage of the key skills, concepts, and theories of crisis communication with an extensive collection of contemporary of case studies, giving a strong understanding of the essential role that communicators play in moments of crisis. It is encouraged for student to build their communication and ethical decision making skills using a variety of stakeholder inventories, hypothetical scenarios, discussion questions, and professional profiles.

# Jom Kita **BERWAKAF** untuk Wakaf Anjung Ilmu @ Library UPM



**RM2 Juta** Kos Keseluruhan



Ruang Bacaan



Perabot



Peralatan Teknologi Maklumat



Prasarana Perpustakaan Luaran & Dalaman



**We Library**  
TOGETHER WE CONTRIBUTE

Salurkan Sumbangan Anda ke dalam Akaun CIMB ISLAMIC:

**8602-68-4995**  
**UPM DANA WAKAF ILMU**

Log masuk:

<http://www.cimbclicks.com.my>

Klik > Pay > Bills > Select an account

Klik > Enter Biller Name

Klik > Wakaf Ilmu UPM

Ikuti arahan seterusnya sehingga selesai

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Kaunter Kutipan WAZAN, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia  
Tel (p): 03-89466156 / 8933  
Hotline: 010 8728566

## 3 SOALAN LAZIM mengenai Wakaf Anjung Ilmu @ Library UPM



Anjuran bersama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) & Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia

Suasana semasa PSAS



Suasana perpustakaan luar negara



**We Library**  
TOGETHER WE CONTRIBUTE

### 1 Mengapa ruang dan prasarana PSAS perlu ditransformasi?

- Ruang sedia yang ingin dinaik taraf telah berusia lebih 45 tahun;
- Menyediakan ruang yang lebih kondusif, selesa dan selamat kepada pengguna perpustakaan;

### 2 Bagaimana dan siapa yang boleh membantu merealisasikan Wakaf Anjung Ilmu @ Library UPM dengan hanya bermula dari RM1.00 setiap Lot?

- Dengan sumbangan bermula RM1.00, anda berpeluang membantu PSAS menjadi sebuah perpustakaan yang mempunyai ruang dan prasarana bereputasi antarabangsa
- Pelajar, Staf, Alumni UPM, pengunjung dan organisasi serta syarikat berpeluang menyumbang

### 3 Mengapa kita perlu menyumbang untuk naik taraf PSAS?

- Memandangkan projek ini memerlukan kos yang besar dan mencecah RM2,000,000.00, bantuan daripada semua pihak amatlah diperlukan
- PSAS dan WAZAN bekerjasama menubuhkan Skim Wakaf Perpustakaan untuk merealisasikan projek ini
- Sumbangan anda juga melayakkan pelepasan cukai di bawah **Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6,1888.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Kaunter Kutipan WAZAN, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia  
Tel (p): 03-89466156 / 8933  
Hotline: 010 8728566

ISSN 1675-4808



JUN 2018

9 771675 480008